

Fenomena nomad digital



DUNIA
BAHARU 2022

DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

Pada masa dahulu, jika disebut 'nomad', yang akan terlintas di fikiran kita tentulah orang Badwi di Tanah Arab, puak Red Indian di Amerika Utara, puak Masai di Afrika dan tidak terkecuali saudara-saudara kita dari kalangan pelbagai suku kaum Orang Asli di negara ini. Selain itu mungkin terlintas juga wajah kawan-kawan kita yang merantau di kota besar seperti Kuala Lumpur, yang menjadi 'nomad kota', berpindah dari satu bilik sewa ke bilik sewa yang lain.

Secara umumnya, dari perspektif kita, perkataan 'nomad' itu jarang membawa konotasi yang positif. Ia adalah cerminan pada kehidupan yang seolah-olah tiada kesudahan kerana sering berpindah-randah tanpa kediaman kekal dan penempatan tetap. Namun, apabila dunia semakin maju dan pembangunan kian menyeluruh, bilangan kelompok yang meneruskan tradisi hidup secara nomad semakin mengecil.

Tetapi di sebalik berkurangnya bilangan mereka itu, muncul pula kelompok nomad baharu, yang kian mendominasi dunia. Pada tahun 2021 jumlah nomad baharu ini di seluruh dunia dianggarkan sekitar 35 juta dan ia bertambah dengan pesat. Di Amerika Syarikat pada tahun 2018 jumlahnya cuma 4.8 juta, tetapi pada 2021 angka itu melonjak kepada 11 juta.

Jika nomad pada masa dahulu disinonimkan dengan kemunduran, nomad baharu ini pula adalah hasil daripada ledakan kemajuan. Mereka berkebolehan dalam dunia teknologi dan berpindah-randah bukan untuk mencari padang rumput, sebaliknya untuk menikmati kehidupan yang lebih bebas dengan pulangan lebih lumayan.

Mereka yang saya maksudkan ialah 'nomad digital' iaitu kumpulan orang yang boleh melakukan kerjanya di mana sahaja, pada bila-bila masa tanpa terikat dengan waktu dan tempat.

Untuk menjadi nomad digital anda cuma perlukan dua perkara; komputer riba atau sebarang gajet mudah alih dan akses internet. Selain itu anda hanya memerlukan kebolehan dalam sesuatu bidang yang anda jadikan sumber mencari rezeki. Ada komputer riba 10 buah dengan akses internet paling laju di dunia pun tiada ertinya kalau kebolehan anda

setakat 'skodeng' akaun Facebook kawan-kawan.

Cara hidup sebagai nomad digital bermula pada awal 1980-an. Antara pelopornya ialah Steve Roberts, seorang penulis bebas dan perunding korporat dari Columbus, Ohio, Amerika Syarikat. Dia mengubah suai basikalnya, melengkapkannya dengan komputer dan menjadikannya pejabat bergerak.

Sepuluh tahun kemudian, dengan kemunculan peranti mudah alih seperti komputer riba, tablet dan PDA (pembantu peribadi digital), cara bekerja yang dipraktikkan oleh Roberts itu mula menarik minat ramai sebelum ia menjadi kegunaan sekarang.

Di Malaysia sekarang pun jumlah nomad digital tidaklah kecil. Banyak dalam kalangan kawan-kawan saya sendiri memilih cara hidup sedemikian. Ada yang sekadar berlegar di dalam negara, tetapi tidak kurang yang telah mula melepasi sempadan antarabangsa, dari sebuah negara ke negara yang lain mengikut keperluan projek yang mereka laksanakan. Mereka bekerja dari mana-mana sahaja; kafe, dalam kenderaan, bawah pokok, kamar sewaan, terserah pada kehendak sendiri. Ada antaranya menginap di hotel atau rumah penginapan sehingga berbulan-bulan. Itu pun terserah pada kehendak dan kemampuan sendiri juga.

Melihat pada meluasnya potensi budaya kehidupan nomad moden ini, banyak negara mewujudkan skim visa khas bagi menarik kehadiran mereka. Di Hungary, misalnya, kerajaan memperkenalkan 'Kad Putih', satu kebenaran khas untuk nomad digital dari negara luar tinggal di negara itu selama setahun, dan disambung lagi setahun jika perlu. Sementara itu, Indonesia merancang membawa masuk 3.6 juta nomad digital melalui skim yang membolehkan para nomad tersebut tinggal di negara itu tanpa cukai selama lima tahun.

Dan kita pun apa kurangnya, pada September lalu Menteri Komunikasi dan Multi Media telah melancarkan Program DE Rantau yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pilihan para nomad digital.

Melihat pada arus perkembangannya sekarang, jangan hairan jika suatu masa nanti dunia ini dipenuhi oleh para nomad digital. Yang kita risau cuma satu, ia juga dipenuhi oleh 'nomad suri rumah', yang kerjanya berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain; mencari suaminya – sang nomad digital – yang tak balik-balik... #dush!

**Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah Setiausaha Politik. Mulai 2022 menulis mengenai pengurusan perubahan.*

Hebohnya isu cicit Nabi SAW



MAAF
CAKAP

NORDEN MOHAMED

Baru-baru ini tular mengenai hal kunjungan seorang insan bernama Sayyid Muhammad Amin Al Idrisi dari Maghribi. Pada awal Oktober, beliau telah menghadiri majlis-majlis yang mendapat kelulusan beberapa pihak berkuasa agama negeri. Tetapi, ada juga negeri yang tidak meluluskannya. Ini segera menimbulkan persoalan.

Kehadiran beliau menjadi polemik kerana dikatakan adalah daripada nasab ke-38 keturunan Nabi Muhammad SAW. Benarkah individu ini keturunan Nabi SAW? Apakah bukti sahnya? Apakah tidak mungkin lelaki ini menyamar berketurunan Nabi SAW? Malah, bila ada dakwaan yang tidak masuk akal mengatakan lelaki itu adalah Imam Mahdi yang muncul. Wajahnya yang kacau itu pun turut diperkatakan.

Perbincangan hangat di media sosial juga berpunca daripada satu maklumat dalaman Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang bocor ke pihak

awam yang mendapati individu berkenaan mempunyai kaitan dengan kes penipuan wang. Tetapi, tiada kenyataan rasmi Jakim mengenai hal ini hingga kini. Jadi, maklumat itu tidak boleh lagi kita terima.

Terdapat pandangan-pandangan yang pro dan kontra khususnya berhubung dengan bentuk layanan yang diterima oleh Sayyid Muhammad Amin itu. Isu undang untuk hidangnya yang dikupas oleh seseorang pada majlis jamuan dilihat sebagai tanda ketaksuban.

Ini memaksa individu itu membuat kenyataan video untuk menerangkan kepada umum bahawa beliau mengambil inisiatif mengupas undang untuk tetamu itu kerana ada sesi lain selepas jamuan. Sebagai ahli jawatankuasanya, beliau mahu menjimatkan masa kerana program pada waktu itu adalah padat.

Tidak kurang para agamawan yang mempunyai pandangan yang pro, kontra dan berkecuali mengenai kedatangan lelaki yang dijemput untuk meraikan Maulidur Rasul itu. Yang menerima kehadiran individu itu berpegang kepada 'sangka baik,' yang kontra pula menyatakan kebimbangan kepada ketaksuban masyarakat kepada fizikal individu itu dan bukan kepada kewibawaannya. Sementara yang berkecuali melihatnya sebagai penghormatan biasa kita kepada mana-mana tetamu.

Saya berasa 'trigger' dengan polemik ini dan terus mencari di internet untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh mengenai kehadiran Sayyid Muhammad Amin ini dari segi biodata, aktiviti beliau, organisasi yang menyambut beliau, pandangan para agamawan dan juga pihak berkuasa.

Begitulah yang saya lakukan apabila sesuatu berita atau kejadian itu berlegar di laman sosial. Bila muncul naluri ingin tahu, maka saya akan cari pautan-pautan yang berkaitan. Maklumat yang saya peroleh itu pun belum tentu betul kerana barangkali sumber rujukan yang saya terima itu juga tidak betul.

Namun, ini membantu saya kurang beremosi sekiranya saya hanya membaca komen-komen yang melintas di laman sosial peribadi saya. Ia membantu saya agar tidak terpalit dengan fitnah akibat mendapat cebisan-cebisan maklumat yang bersimpang-siur di internet.

Pihak penganjur, Nur Al-Mustafa Malaysia, telah tampil membuat kenyataan untuk menjawab segala persoalan. Menurut Hakim Al-Mustafa yang mewakili penganjur, Sayyid Muhammad Al-Amin bukan datang ke negara ini untuk berceramah, sebaliknya hanya sebagai jemputan Majlis Maulidur Rasul. Kerana itu tauliah tidak diperlukan.

Individu itu juga pernah berkunjung

ke Kelantan pada tahun 2019, jadi, kehadirannya tidak dijangka menjadi isu. Menurut Hakim Al-Mustafa juga, nasabnya telah dikaji dan didapati sahih bahawa beliau adalah nasab Rasulullah mengikut susur galur hingga ke Saidatina Fatimah Az-Zahra, puteri bongsu Nabi SAW. Kata-kata bahawa beliau adalah scammer atau Imam Mahdi hanyalah berpunca daripada dakwaan-dakwaan netizen.

Setelah reda isu cicit Nabi SAW ini, akan timbul pula isu lain yang menjadikan kita tidak fasal-fasal meroyan untuk menyokong atau menentang; menyukai atau membenci. Semua ini datang daripada komen-komen netizen yang menulis tanpa sandaran hujah.

Pada lain waktu, kita sendiri tidak boleh menjamin sama ada diri kita ini akan 'cool' dan 'chill' bila membaca sesuatu berita yang menjadi polemik. Ada isu yang akan 'trigger' kita hingga tewas kerana memberi maklum balas yang tidak sepatutnya. Malah, kadangkala kita memberi reaksi kepada sesuatu berita sensasi tetapi dah basi! Sebabnya, kita tidak membaca tarikh mula berita itu disiarkan!

**Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*